

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT MERTA JAM)

TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang kartel polis seperti yang didakwa oleh bekas IGP Tan Sri Abdul Hamid Bador dan adakah sebarang siasatan dijalankan serta status isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian sentiasa mengambil perhatian isu berkaitan integriti penjawat awam termasuk isu kartel polis. Berdasarkan siasatan yang dijalankan, tiada timbul sebarang isu kartel dalam kalangan Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di semua peringkat. Kementerian amat yakin dengan kepimpinan PDRM yang membarisi benteng hadapan negara yang sentiasa ikhlas dalam menggalas setiap amanah yang diberikan dengan mengenyepikan kepentingan diri semata-mata. Inilah sebaik-baik pengorbanan yang dapat dihadiahkan buat agama, bangsa, dan negara.